

R GB 11-09 00198 BA000

bah

KERETA API BANYAK KEISTIMEWAAN UNTUK KEMBALI POPULAR

Mahathir - Kereta api

(EMBARGO: Untuk siaran selepas pukul 10 malam ini)

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu perjalanan kereta api kembali popular dengan diwujudkan rangkaian perkhidmatan serba moden, cekap dan cemerlang.

Perdana Menteri membayangkan perkhidmatan itu boleh dihidupkan semula jika stesen-stesen dibangunkan sebagai pusat membeli-belah seperti terminal lapangan terbang, penggunaan kereta api elektrik dan pengenalan landasan berkembar dan bertingkat.

Layanan baik serta tambang berpatutan akan juga menggalakkan orang ramai memilih kereta api daripada pengangkutan jalan raya dan udara, katanya ketika melancarkan Syarikat KTM Berhad di Stesen Keretapi Kuala Lumpur di sini malam ini.

+Sebenarnya kereta api mempunyai banyak keistimewaan yang tidak ada pada pengangkutan udara dan jalan,+ kata Dr Mahathir mengenai perkhidmatan itu yang bermula di negara ini pada tahun 1885 dengan landasan sepanjang 12.8 km menghubungkan Port Weld dan Taiping.

Sehingga diperbadankan pada 1 Ogos lepas, perkhidmatan itu dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan melalui Keretapi Tanah Melayu (KTM), menjangkau hampir 2,000 km dari Perlis di utara hingga ke Johor di selatan dan ke Kelantan di Pantai Timur. -- Lagi.

▼11/09/18-57MST

R GB 11-09 00132 BA002

bah

Mahathir - Kereta api 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir berkata sebelum pengangkutan jalan berkembang di Malaysia kereta apilah menjadi pilihan utama bagi kebanyakan rakyat tetapi kemudian KTM tidak berjaya bersaing dengan pengangkutan jalan.

Keadaan itu tidak semestinya berterusan, kata Perdana Menteri dan menggariskan +keistimewaan+ kereta api yang tiada pada pengangkutan udara dan jalan.

+Sebenarnya dalam perjalanan yang kurang dari 200 kilometer, kereta api lebih cepat daripada kapal terbang,+ katanya.

Untuk pengangkutan udara, perjalanan pergi dan balik dari lapangan terbang mengambil masa yang panjang kerana penumpang terpaksa berada di lapangan terbang satu jam lebih awal, katanya.

Sebaliknya dengan kereta api, penumpang boleh berjalan dari tengah bandar ke tengah bandar destinasi tanpa perlu hadir terlalu awal, katanya. -- Lagi.

▼11/09/19-11MST

R GB 11-09 00172 BA007

bah

Mahathir - Kereta api 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

+Begitu juga dengan pengangkutan jalan yang kerap-kali penuh sesak dengan kereta dan perjalanan terhenti-henti, kadang-kadang sampai sejam.

+Kereta api dapat 'right of way' dan tidak perlu berhenti. Jadualnya tetap dan tambangnya murah daripada penerbangan dan bagi seseorang, murah daripada kereta sendiri,+ kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri yakin perkhidmatan kereta api dapat berdaya maju dengan langkah kerajaan memperbadankan KTM untuk menjadikannya sebuah badan korporat berorientasikan komersil.

Katanya, KTM Berhad hendaklah menjadikan penswastaan itu satu cabaran bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti untuk menjamin keputusan kerajaan mengkorporatkan KTM itu juga berjaya seperti badan-badan lain.

Selain menjadikan stesen lebih menarik dan menyediakan landasan baru, Dr Mahathir berkata banyak lagi pendapatan boleh diperolehi seperti mengadakan perkhidmatan pengangkutan ke gudang, pelabuhan, kontena dan pengiriman bungkusan.

Selaras dengan dasar kerajaan menggalakkan pelancongan, KTM Berhad juga boleh mengadakan perkhidmatan yang selesa, cekap, cepat dan bermutu menghubungkan negara-negara jiran dan antara bandar-bandar utama di negara ini. -- Lagi.

▼11/09/19-31MST

CNS0412

R GB 11-09 00107 BA008

bah

Mahathir - Kereta api 4 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri berkata cadangan sambungan rel ke lapangan terbang antarabangsa baru di Sepang merupakan manifestasi kepentingan peranan pengangkutan rel pada masa akan datang.

+Pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah Sukan Komanwel memerlukan penyediaan kemudahan termasuk pengangkutan diberi perhatian sewajarnya,+ katanya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan KTM Berhad dalam melaksanakan sebarang aktiviti perniagaan baru supaya peka terhadap tanggungjawab utamanya menyediakan pengangkutan yang cekap.

+Seelok-eloknya sebarang bidang perniagaan baru yang akan diceburi itu hendaklah berkaitan dengan kegiatan utama KTM supaya KTM lebih kompetitif berbanding dengan pengangkutan lain,+ katanya. -- Bernama.